

Aplikasi perkahwinan tawar lebih 7,000 vendor

Oleh **AFZAN YUSOF**
afzanyusof@mediamula.com.my

PANDEMIK Covid-19 bukan halangan dalam menganjurkan majlis perkahwinan.



MOHD. SHUKRI ADHA

Biarpun norma baharu membataskan jumlah undangan, persiapan termasuk baju pengantin, kad undangan dan jamuan makan tetap perlu disediakan seperti biasa.

Memahami kekangan keluar rumah mendapatkan vendor bagi menjayakan kenduri kahwin, aplikasi atas talian, *WeddingMate* tampil memudahkan urusan orang ramai.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd. Shukri Adha berkata, aplikasi berkenaan bagaikan pusat sehenti, di mana ia menghimpun lebih 7,000 vendor perkahwinan dalam negara.

“Ada pemilik perniagaan kecil dari rumah sehinggalah ke hotel yang bertaraf lima bintang. Semua ini boleh dipilih dengan hanya ke aplikasi kami,” katanya.

Menurut laporan Jabatan Statistik Malaysia, lebih 200,000 pasangan berkahwin di seluruh negara setiap tahun.

WEDDINGMATE

- » Ditubuhkan pada 19 Disember 2019.
- » Laman web dan aplikasi dibangunkan pada Julai 2020
- » Ada lebih 7,000 vendor seluruh Malaysia.

Ini membuktikan industri perkahwinan di Malaysia adalah pasaran besar dengan nilai pendapatan lebih RM10 bilion setahun.

TEPAT PADA MASANYA

Justeru Mohd.

Shukri yang juga pengasas *WeddingMate* menjelaskan, aplikasi itu sebagai tepat pada masanya dalam kerancangan era ekonomi digital di seluruh dunia.

“Hari ini kita dapat lihat kemunculan aplikasi dan platform seperti perkhidmatan, tempahan hotel, dan pencarian pekerjaan. Saya melihat ia sebagai peluang untuk kami memanfaatkan pasaran aplikasi, khususnya industri perkahwinan di Malaysia,” katanya.

Untuk vendor perkahwinan, *WeddingMate* ingin membantu mereka menyesuaikan diri dengan aliran aplikasi terkini.

“Diharap platform kami dapat memberi peluang kepada semua vendor

PENGGUNA boleh mengakses platform dengan mudah.

TERSEDIA untuk pelbagai jenis perkahwinan.



mempromosikan perkhidmatan atau harga ditawarkan kepada pengguna.

“Pengguna boleh mengakses dengan mudah di platform yang menyediakan sistem carian teratur pada masa sama melihat semua profil vendor

perkahwinan terdapat di sini.

Shukri berharap produk berkenaan bukan sahaja berupaya menjadi platform direktori dan promosi perkahwinan, tetapi pada masa sama memberi impak atau nafas baharu dalam industri perkahwinan di Malaysia.